KPT perhebat usaha tangani kekurangan kolej kediaman

Oleh BERITA RTM -Oktober 26, 2026 @ 01:47 Pm



KUALA LUMPUR – Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperhebat usaha menangani isu kekurangan penempatan kolej kediaman di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), khususnya bagi mengutuk dan mengutamakan mahasiswa daripada golongan berpendapatan rendah (B40). Menurut Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, sebanyak 15 projek pembinaan kolej kediaman menerusi kerjasama awam-swasta telah siap dibina dan kini memberi manfaat kepada 45,000 pelajar, manakala perancangan lima kolej baharu dijangka menyediakan kapasiti tambahan sehingga 21,000 mahasiswa.

Langkah jangka panjang ini turut disokong oleh pelaburan strategik menerusi projek perintis Residensi Mahasiswa Universiti Malaya dengan kerjasama syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) yang dijangka siap pada 2031 untuk menampung 10,000 pelajar. Bagi memastikan fasiliti sedia ada sentiasa selamat dan selesa, kerajaan mengagihkan peruntukan RM1.1 bilion bagi tempoh 2021 hingga 2025, peruntukan pembangunan hampir RM225 juta bagi baik pulih asrama, serta peruntukan tambahan RM800 juta di bawah Belanjawan 2027 untuk penyelenggaraan prasarana dan peralatan usang di IPTA.

https://www.astroawani.com/video/kpt-mahu-mahasiswa-hayati-agenda-planetary-health